

*Teks Ucapan*

*Yang Mulia*

*Dr. Haji Azman bin Ahmad*

*Timbalan Setiausaha Tetap (Penggajian Tinggi)*

*Kementerian Pendidikan*

*Negara Brunei Darussalam*

*Majlis Persidangan Hari Guru*

*Sempena*

*Sambutan Hari Guru Ke-27*

*Negara Brunei Darussalam*

*Sabtu, 10 Jamadilawal 1439/ 1 Februari 2018*

*Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas*

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wa-sahbihi Ajma'een

- Yang Mulia Pengerusi-Pengerusi Bersama majlis
- Yang Mulia Naib-Naib Canselor, Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Pemangku Ketua-Pengarah Pendidikan, jemputan-jemputan khas, Ketua-Ketua Jabatan, Para Pembentang, pemimpin-pemimpin institusi pendidikan, para guru, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita dapat hadir pada petang ini di Majlis Persidangan Hari Guru Sempena Sambutan Hari Guru Ke-27.
2. Terlebih dahulu, saya sukacita merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Pengerusi-Pengerusi Bersama dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis kerana mengungkapahkan persidangan yang sungguh bermakna kepada warga guru di Negara ini.
3. Tema Persidangan Hari Guru **“Merapatkan Perspektif Mengenai Kecemerlangan Pengajaran Dinamik”** atau *“Bridging the Perspectives on Dynamic Teaching*

*Excellence*” adalah sejajar dengan tema Hari Guru ke-27, iaitu “**Kecemerlangan Guru Teras Kejayaan Ummah**”. Keperluan pendidikan di abad ke-21 ini mengajak para guru untuk membuat anjakan paradigma dari pengajaran yang statik kepada kecemerlangan pengajaran yang dinamik. Sebagai pendidik, guru setentunya perlu memiliki perspektif yang tinggi dan relevan mengenai pengajaran yang dinamik. Dalam melakar serta merapatkan perspektif kualiti perguruan di Negara Brunei Darussalam, adalah tidak diragukan bahawa keupayaan dalam perkara ini akan menjadi pemangkin ke arah penambahbaikan kualiti pengajaran yang setentunya akan menghasilkan para pelajar yang berkualiti tinggi. Justeru, keberhasilannya akan menjamin masa hadapan kemajuan negara kepada yang lebih mampan.

4. Ini juga adalah selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ingin melihat sistem pendidikan negara akan terus menerus melahirkan anak-anak bangsa yang berjaya.

**Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

5. Menyentuh mengenai kualiti pengajaran dan pembelajaran, semangat kental serta komitmen yang tinggi dan konsisten daripada warga pendidik adalah

merupakan faktor utama untuk memberikan impak yang positif kepada pelajar-pelajar.

6. Tidak disangkalkan lagi bahawa profesion guru adalah sangat *demanding*, kerana sentiasa berdepanan dengan pelbagai latarbelakang dan tahap kemampuan pelajar. Ia menghendaki guru-guru untuk melaksanakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran (*differentiated teaching and learning*) mengikut tuntutan-tuntutan sukatan pelajaran dan arus perkembangan pendidikan itu sendiri. Guru diperlukan untuk sentiasa lebih inovatif dan kreatif, yang membawa impak yang signifikan dan berkesan kepada penerimaan dan kefahaman pelajar. Keberhasilannya akan setentunya membawa kepada kepuasan pada diri guru sendiri, kerana telah dapat memainkan peranan serta mempengaruhi kecemerlangan masa hadapan anak-anak didikan mereka. Selain itu, sokongan daripada pelbagai *stakeholders* termasuk ibu bapa juga adalah penting dalam sama-sama membentuk generasi pelajar yang berkualiti tinggi.

### **Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

7. Menyentuh mengenai pendidikan teknikal, negara kita memerlukan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi dalam sektor perindustrian. Sehubungan dengan ini, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah dipertanggungjawabkan untuk mempersiapkan graduan-graduan teknikal yang berkelayakan tinggi dan kompeten untuk memenuhi keperluan sektor industri negara kita. Tenaga pengajar

pendidikan teknikal adalah digesa untuk memastikan kualiti graduan yang dihasilkan memenuhi piawaian perindustrian yang ditetapkan dalam sektor berkenaan. Semua tenaga pengajar adalah juga digalakkan untuk mengembangkan pengetahuan serta perspektif masing-masing mengenai sektor perindustrian yang terkini agar lebih kompeten dan relevan untuk menyediakan graduan yang berkemahiran mengikut keperluan industri.

8. Dalam kesempatan ini, para pendidik adalah diseru untuk meneruskan usaha-usaha proaktif dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Saya berharap persidangan hari guru ini dapat menyuntik semangat baru kepada semua pendidik untuk terus meningkatkan mutu kerja dan sentiasa bersikap lebih dinamik dan bersemangat dalam menjalankan tugas perguruan. Di samping itu, adalah diharapkan kepada guru-guru untuk lebih berdisiplin, mahir dalam mata pelajaran dan sentiasa mampu menghasilkan keputusan cemerlang untuk sekolah masing-masing. Kunci kepada kecemerlangan pendidikan adalah guru-guru yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, kita amat menghargai tugas guru kerana ianya merupakan tugas yang sangat mulia dan tiada ternilai harganya. Boleh dikatakan di sini, hanya mereka-mereka yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, dan mempunyai nilai-nilai yang mulia dari aspek kesabaran, keprihatian, kesungguhan dan minat yang mendalam akan dapat menanai tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai pendidik dengan sepenuhnya.

**Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pembentang-pembentang kertas kerja dan terhadap apa jua perkongsian yang akan disampaikan. Ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis persidangan hari guru ini. Kegigihan dan sikap dedikasi biskita jua yang membolehkan persidangan ini diungkayahkan dan semoga segala usaha akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahuwata'ala. Amin Amin Ya Rabbal'Alamin.

Wabillahittaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh